

UMS terus komited berkolaboratif, berkongsi ilmu demi kebaikan sejagat

UB 17.09.2021 P. 04


KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyuarkan komitmen berterusan dalam menjalin kerjasama dengan organisasi dan institusi tempatan untuk menyediakan lebih banyak peluang penyelidikan demi kesejahteraan masyarakat.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin menegaskan UMS berpegang kepada prinsip menggalakkan perkongsian dan penyebaran ilmu demi kebaikan bersama.

Menurutnya, bidang penyelidikan akan hanya mampu membawa manfaat apabila hasil atau dapatan kajian dikongsi bersama dengan masyarakat awam dan diguna pakai demi pengembangan pengetahuan dan penambahbaikan kehidupan.

Taufiq berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Antarabangsa Bahasa, Linguistik dan Masyarakat (ICLALIS 2021) di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, kejayaan ICLALIS 2021 adalah hasil jaringan kolaboratif mantap antara Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UMS dengan SIL International, Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Gaya, IPG Kampus



Kent Tuaran, dan Persatuan Penyelidik Malaysiadan Khidmat Sosial (AMRASS).

Sementara itu, Dekan PPIB UMS Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng berkata, penting

bagi ahli akademik untuk beradaptasi dan bertindak responsif terhadap cabaran pandemik masakini. Ia turut menekankan warga akademik perlu komited kepada proses merombak, meneliti dan merangka semula ilmu dan pengetahuan bagi menghadapi kesan mendalam dan jangka panjang COVID-19.

Sesi ucaptama pertama daripada wakil University of Auckland Prof. Emeritus John Read membincangkan isu pentaksiran bahasa yang berfokus kepada keperluan memastikan ujian bahasa dibina berdasarkan pertimbangan praktikal dan tujuan serta aplikasi spesifik.

Bagi sesi ucaptama kedua yang disampaikan wakil Hong Kong Polytechnic University Prof. Hu Guangwei membentangkan perbezaan rentas disiplin dalam pembinaan ilmu, kesan terhadap komunikasi akademik dan implikasi dalam memperkenalkan pelajar kepada wacana pilihan bidang disiplin mereka.

Sebanyak 63 kertas penyelidikan dibentangkan oleh ahli akademik, pelajar dan penyelidik tempatan dan luar negara dalam pelbagai bidang bahasa, linguistik dan masyarakat.